

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

5. Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan trafik di kawasan Pulau Tikus sementara menunggu pembinaan *Penang Transport Master Plan* (PTMP) siap sepenuhnya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui kerjasama bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah merancang beberapa projek untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Pulau Tikus, sementara menunggu pelaksanaan sepenuhnya *Penang Transport Master Plan* (PTMP). Antara rancangan-rancangan tersebut adalah:
- (i) Projek menaik taraf Jalan Brown dari Jalan Burma ke Jalan Utama yang telah disiapkan pada Januari 2018. Projek ini dilaksanakan memandangkan Jalan Brown digunakan sebagai laluan alternatif oleh kenderaan dari Jalan Mount Erskine dan Jalan Bagan Jermal untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di Jalan Gottlieb terutama sekali pada waktu persekolahan (waktu pagi dan tengah hari). Skop projek ini ialah pelebaran Jalan Brown dan juga menaik taraf persimpangan-persimpangan di sepanjang jalan tersebut bagi melicinkan aliran lalu lintas.

- (ii) Projek menaik taraf persimpangan Jalan Mount Erskine / Tingkat Erskine Satu / Laluan ke Ladang Hong Seng. Projek ini sedang dijalankan dan dijangka dapat disiapkan pada bulan November 2018. Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan tersebut dan meningkatkan keselamatan lalu lintas.
- (iii) Projek pembinaan jalan bawah (*underpass*) dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma. Projek ini kini berada pada peringkat pra-kelayakan tender (*pre-qualification tender*) dan dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 2018. Projek ini dijangka mengambil masa tiga (3) tahun untuk disiapkan.
- (iv) Perancangan juga sedang dibuat untuk pembinaan jejambat atau jalan bawah untuk menghubungkan Jalan Kelawai ke Jalan Tanjong Tokong untuk melegakan kesesakan di kawasan Pulau Tikus. Kajian ini akan dijalankan pada tahun 2019 dan projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2020 dan mengambil masa 3 tahun untuk disiapkan.
- (v) Menyediakan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) Tanjung Tokong-Pulau Tikus. Perkhidmatan ini telah dilancarkan pada 7 Julai 2018 menggantikan perkhidmatan *shuttle* Pulau Tikus *Loop* (PTL) dengan liputan laluan yang lebih baik.